

29/10/2003

Anti-Islam bimbang pengaruh Dr Mahathir

GOLONGAN yang merancang mengenakan tekanan terhadap Malaysia kerana marah apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Yahudi kini menguasai dunia dengan menggunakan proksi, sememangnya anti-Islam kerana mereka tidak senang dengan kenyataan Perdana Menteri itu yang ternyata benar. Perkara berkenaan juga bukanlah sesuatu yang pelik kerana pemimpin Barat dan Eropah kebanyakannya terpaksa tunduk kepada pengaruh Yahudi yang begitu kuat. Mereka dengan mudah menuduh orang yang menyatakan sesuatu buruk mengenai Yahudi sebagai anti-Semitik dan perlu dicela, tetapi jika seseorang itu menghina Islam, mereka tidak pula berkata apa-apa.

Sebenarnya, jika pemimpin Barat dan Eropah itu merenung kembali apa yang berlaku lebih 60 tahun lalu ketika Eropah berada di bawah cengkaman Nazi, mereka pasti bersetuju dengan dakwaan Dr Mahathir bahawa Yahudi ternyata berjaya mencipta dan memperkenalkan sosialisma, komunisma, hak asasi manusia dan demokrasi mengikut acuan mereka. Ketika itu, bukan sekadar Adolf Hitler, malah pemimpin tertinggi Gereja Katholik juga percaya komunisma adalah hasil perancangan Yahudi. Begitu juga dengan demokrasi dan kerana itulah Nazi dan Hitler amat membenci Yahudi sehingga mereka sanggup membunuh lebih 300,000 orang Yahudi.

Apa yang jelas, golongan anti-Islam ini bimbang apa yang disebut oleh Dr Mahathir itu akan menanamkan semangat di kalangan umat Islam untuk membenci orang Yahudi dan seterusnya mengatur strategi bagi menghapus negara Israel. Suara Perdana Menteri itu dianggap boleh menyatukan semula umat Islam, sekali gus memberi harapan dan peluang untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang lalu. Inilah sebenarnya yang ditakutkan oleh golongan anti-Islam. Pemimpin Barat dan Eropah sebenarnya mengakui hakikat bahawa mereka terpaksa tunduk kepada Yahudi, cuma mereka enggan menyatakannya secara terbuka saja.

Kini, dengan berani dan lantang Dr Mahathir merungkai masalah yang dihadapi umat Islam dan kelemahan mereka. Beliau mengajak umat Islam berdamai dengan Israel untuk keamanan dan ketenteraman bagi membolehkan semua pihak menumpukan sepenuh masa untuk pembangunan dan merancang masa depan. Tetapi golongan anti-Islam tidak dapat menerima semua itu kerana mereka tidak mahu melihat kebangkitan semula umat Islam melalui reformasi pendidikan, pentadbiran, ekonomi, pertahanan dan penyelidikan. Oleh itu, mereka menuduh Dr Mahathir anti-Semitik dan berusaha untuk memburukkan imej Perdana Menteri. Itulah usaha mereka dan kita sepatutnya menyedarinya supaya tidak terikut-ikut rentak mereka.